

16 OCT 2003

OIC-DEKLARASI/I

FORUM PERNIAGAAN OIC BERAKHIR DGN 11 DEKLARASI DICAPAI

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Forum Perniagaan OIC selama dua hari yang kali pertama diadakan berakhir hari ini dengan delegasi mencadangkan forum seumpama itu diadakan setiap tahun bagi meningkatkan lagi kerjasama perniagaan di kalangan negara anggota OIC.

Satu deklarası yang dirangka dan diserahkan pada akhir forum tersebut telah bersetuju bahawa Forum Perniagaan OIC itu perlu diinstitusikan sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak Ketua-Ketua OIC di masa depan di mana perwakilan ke forum tersebut akan menyampaikan rumusannya kepada Sidang Kemuncak OIC.

"Kami menggesa semua sidang kemuncak OIC untuk memasukkan isu-isu berkaitan perdagangan dan perniagaan dalam agenda rasmi sidang kemuncak OIC. Kemakmuran OIC akan menggalakkan muhibbah di kalangan anggotanya," demikian menurut deklarası itu.

Forum Perniagaan itu mengguna pakai 11 deklarası, yang dirangka dan disampaikan oleh enam anggota jawatankuasa di akhir forum tersebut yang akan diserahkan dan diedarkan sebagai sebahagian daripada dokumen rasmi Sidang Kemuncak Ketua-Ketua OIC, di sini.

Dalam deklarası itu, delegasi telah bersetuju bahawa Forum Perniagaan OIC akan menjadi wadah bagi merangsang perkongsian pintar di kalangan komuniti perniagaan negara anggota OIC dan mempermudah perdagangan, pelaburan dan pertukaran tenaga manusia.

Pengenalan Perkongsian Perniagaan Dua Hala akan membantu meningkatkan kerjasama dan keamanan di kalangan negara-negara Islam. Forum itu menggesa semua negara tuan rumah di masa depan menganjurkan Forum Perniagaan yang sama sebagai satu cara menggalakkan keamanan, kerjasama dan peluang.

"Kami menggesa Persidangan Sidang Kemuncak ke-10 membentuk "kumpulan pakar" dengan segera yang akan mengesyorkan modus operandi bagi melaksanakan secara sistematik Program Kerjasama Sub Serantau dan melaporkan perkembangannya kepada Sidang Kemuncak OIC ke-11," kata deklarası itu.

Pertubuhan ekonomi negara-negara OIC diminta menggalakkan dengan lebih efektif Kerjasama Ekonomi dan Komersil Islam termasuk prospek memajukan kerjasama serantau berstruktur yang membawa kepada penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Islam (IFTA), diikuti Pasaran Sama Rata Islam (ICM).

Deklarası itu menggesa kerajaan negara anggota OIC untuk melibatkan secara proaktif komuniti perniagaan mereka sebagai rakan kongsi dalam pembangunan dan menyokong inisiatif sektor swasta mereka.

"Kami menggesa pembangunan dasar penggalakan pelaburan yang bersesuaian dengan keutamaan kebangsaan negara anggota OIC termasuk perkongsian dan pindahan teknologi, pembangunan prasarana, pewujudan peluang pekerjaan dan kepelbagaian eksport dan pasaran," kata deklarası itu.

Kerajaan dan sektor swasta negara anggota OIC telah digesa mempercepatkan penggunaan dagangan elektronik untuk memudahkan hubungan perdagangan dan pelaburan.

Semua sidang kemuncak OIC digesa memberi penekanan kepada isu-isu berkaitan perdagangan dan perniagaan dalam agenda rasmi sidang kemundak OIC.

"Secara ekonominya, negara-negara yang berkembang maju dijangka memastikan pengenalan keamanan dan kestabilan kerana kami percaya perniagaan berkembang baik dalam suasana yang aman dan stabil."

Sementara itu, pengerusi jawatankuasa penganjuran Forum Perniagaan OIC

untuk tempoh tiga tahun akan datang, Datuk Michael Yeoh berkata, Malaysia akan sekali lagi memainkan peranan sebagai hos kepada Forum Perniagaan di masa depan.

"Kami akan mengumpulkan maklum balas dari negara anggota OIC untuk mengenalpasti isu-isu baru berkaitan negara-negara OIC dan dibincangkan di forum masa depan," katanya, sambil menambah forum yang baru berakhir itu telah mencapai kejayaan dengan mendapat buah fikiran daripada ketua-ketua termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

WNZ KTC ZK